

SOALAN NO: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : 19 MAC 2015
SOALAN :

YB Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah jenis ubat, peralatan perubatan dan perkhidmatan yang tertakluk kepada cukai GST. Bagaimana cara Kementerian memastikan bahawa pelaksanaan gst tidak akan mengakibatkan kenaikan caj yang tinggi dalam hospital-hospital swasta dan mengapakah ubat tradisional Cina dikenakan cukai GST.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 10 Oktober 2014, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pada Sesi Pembentangan Bajet 2015 bahawa 2,900 jenama ubat-ubatan yang terkandung di dalam Senarai Ubat-Ubatan Penting Nasional Versi Keempat akan diberi Layanan Cukai Barangan dan Perkhidmatan Berkadar Sifar (*zero rated*). Mana-mana ubat yang tidak tersenarai pula akan dikenakan cukai barangan dan perkhidmatan berkadar standard iaitu sebanyak 6%.

Senarai ini meliputi 320 entiti kimia dan 30 kumpulan terapeutik terdiri daripada Ubat Terkawal seperti yang tersenarai di bawah Jadual 1 Akta Racun 1952 dan juga Ubat Bukan Racun atau OTC (*Over The Counter*). Senarai ubat-ubatan berkenaan telah diwartakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Selepas beberapa mesyuarat dan bengkel diadakan bagi membincangkan isu-isu implementasi GST berkaitan ubat-ubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengemukakan pula senarai tambahan ubat-ubatan kepada 4,200 jenama untuk pertimbangan pihak Kementerian Kewangan Malaysia dan sedang menunggu kelulusan.

Bagi senarai peralatan perubatan pula, Kementerian telah mengemukakan sejumlah 25,517 jenis peralatan perubatan yang melibatkan 21 kategori peralatan perubatan untuk dipertimbangkan oleh Kementerian Kewangan supaya diberikan pengecualian daripada dikenakan GST. Sehubungan itu, beberapa siri perbincangan antara Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (*Association Of Private Hospitals Of Malaysia*) telah diadakan bagi memuktamadkan senarai peralatan perubatan yang akan diberikan pengecualian daripada GST.

Di samping itu, semua perkhidmatan yang dibekalkan oleh kemudahan jagaan swasta dan berdaftar di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Swasta 1998 adalah dikecualikan (*exempt*) daripada dikenakan GST.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM mengambil maklum bahawa tiada kawalan khusus yang dikenakan terhadap harga ubat di sektor swasta. Ia ditentukan menerusi kuasa pasaran dan persaingan antara industri-industri farmaseutikal yang terlibat selaras dengan Akta Anti Persaingan 2010.

KKM menyedari mekanisme penyeragaman harga ubat-ubatan terutamanya di sektor swasta adalah amat penting ke arah menyediakan sistem kesihatan yang berkualiti di samping menjaga kepentingan semua pihak yang terlibat dalam sektor farmaseutikal di Malaysia. Harga ubat-ubatan yang dikenakan GST belum dikawal tetapi tertakluk kepada Akta Kawalan Harga & Anti Pencatutan 2011 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Selain itu, Kementerian ini telah menyediakan senarai harga runcit yang dicadangkan (*Recommended Retail Price, RRP*) bagi 3,321 item ubat-ubatan terpilih di pasaran sebagai rujukan perbandingan harga oleh pengguna yang boleh dicapai melalui laman sesawang www.pharmacy.gov.my. Bilangan item yang disenaraikan ini dijangka akan bertambah daripada semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sejak tahun 2006, KKM sentiasa memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ketiga Belas, Peraturan-

Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006. Jadual ini, berdasarkan kepada Jadual Fi Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) (2002).

Jadual Ketiga Belas memberi kuasa kepada Kerajaan untuk meletakkan harga siling atau had maksimum kos rawatan kepada fi profesional iaitu fi perundingan dan fi profesional untuk prosedur pengamal perubatan atau pergigian swasta supaya rakyat diberi perlindungan daripada dikenakan caj yang terlampau tinggi. Sehubungan itu, fi profesional yang juga merangkumi fi perundingan dan fi tatacara pegawai perubatan atau pergigian swasta tidak boleh dinaikkan sewenang-wenangnya kerana fi tersebut dikawal di bawah Jadual Ketiga Belas. Namun begitu, perlaksanaan GST keatas fi profesional untuk pakar-pakar yang bukan digajikan oleh pihak hospital yang dianggap sebagai kontraktor bebas (*independent contractor*) masih di dalam perbincangan dengan pihak kastam.

Walau bagaimanapun, selain daripada fi profesional KKM tidak mengawal kos bagi penginapan, fi tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti caj alat pakai buang (jarum, picagari, *gauze* dan lain lain), caj ujian makmal dan kos ubat-ubatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi ubat tradisional Cina pula, kadar cukai berkadar sifar tidak diberikan memandangkan ia tidak termasuk di dalam Senarai Ubat Penting Kebangsaan.